

## **Peranan Faktor Pemangkin dalam Perancangan Kerjaya Lulusan Kolej Komuniti**

Khairul Aizal Osman  
Kolej Komuniti Masjid Tanah  
[khairulaizal@gmail.com](mailto:khairulaizal@gmail.com)

Ahmad Rosli Mohd Nor  
Universiti Teknologi Mara  
[ahmadrosli75@yahoo.com](mailto:ahmadrosli75@yahoo.com)

Zainal Abbidin Ujang  
Kolej Komuniti Masjid Tanah  
[abbidinzainal313@gmail.com](mailto:abbidinzainal313@gmail.com)

### **Abstract**

Community Colleges is an alternative platform for mediocre and low achievers to achieve their dream careers. In fact, a meticulous and careful planning can enable community college graduates to generate high income careers through the Technical and Vocational skills education and training obtained. However, these students need some assistance in planning their careers and require a certain catalyst to ensure that it can be implemented. This study was conducted to identify influential catalyst factors among Community College graduates career planning in facing the ordeal of the challenging career world. This quantitative study was conducted on 222 community college graduates of Melaka and Negeri Sembilan regions as a study sample exceeding the minimum sample recommendation of G Power application for analysis involving t- test (102), One-way Anova (159) and Pearson Correlation (115). Data were collected using a Google Form questionnaire and analyzed with SPSS 23.0 to obtain the results. The findings of the study show that the Catalyst Factors are (1) External Courses (mean = 4.44; p = .646); (2) Scientific Visits (min = 4.34; p = .126); (3) Co-curriculum (min = 4.27; p = .121); and (4) Part-Time Job (mean = 4.15; p = .176) has an influence in Community College Graduate Career Planning. These factors, on the other hand, do not have significant differences in gender groups and study programs for career planning of community college graduates. However, there is a moderate correlation ( $r = .602$ ) between the Catalyst Factor and the Career Planning of Community College Graduates. Hence, these findings can be utilized as a guideline for community college management in designing career development programs for Community College students.

**Keywords:** cereers, self efficacation and community college

### **Abstrak**

Kolej Komuniti menjadi harapan kepada individu yang berpencapaian sederhana dan lemah untuk mencapai kerjaya masa depan yang diimpikan. Malah jika dirancang dengan teliti lulusan kolej komuniti mampu menjana pendapatan tinggi dalam kerjaya mereka melalui pendidikan dan latihan kemahiran Teknikal dan Vokasional yang diperoleh. Namun begitu para pelajar ini perlu dibantu untuk merancang kerjaya dengan baik dan perlukan pemangkin untuk memastikan apa yang dirancang mampu dilaksanakan. Kajian ini dijalankan untuk melihat peranan faktor Pemangkin dalam Perancangan Kerjaya para lulusan Kolej Komuniti dalam menghadapi dunia kerjaya yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Kajian secara kuantitatif ini akan dijalankan terhadap 222 orang lulusan kolej komuniti Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan sebagai sampel kajian melebihi saranan

sampel minima aplikasi *G Power* untuk analisis melibatkan ujian t (102), Anova Satu hala (159) dan Korelasi Pearson (115). Data telah dikutip menggunakan soal selidik secara *Google Form* dan dianalisis berbantuan SPSS 23.0 untuk mendapatkan hasilnya. Dapatkan kajian menunjukkan Faktor Pemangkin iaitu (1) Kursus Luar (min=4.44, p=.646); (2) Lawatan Ilmiah (min=4.34, p=.126); (3) Kokurikulum (min=4.27, p=.121); dan (4) Kerja Sambilan (min=4.15, p=.176) mempunyai pengaruh dalam Perancangan Kerjaya lulusan kolej komuniti. Faktorfaktor ini pula tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dalam kelompok jantina dan program pengajian dalam perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti. Namun begitu wujud hubungan yang sederhana ( $r=.602$ ) antara Faktor Pemangkin dengan Perancangan Kerjaya Lulusan Kolej Komuniti. Dapatkan ini boleh dijadikan panduan pihak pengurusan kolej komuniti dalam merangka program untuk perkembangan kerjaya para pelajar kolej komuniti.

**Kata Kunci :** kerjaya, efikasi kendiri dan kolej komuniti.

## 1.0 Pengenalan

Impian mendapatkan pendapatan yang tinggi dalam kerjaya adalah nilai dalam kerjaya yang menjadi harapan kebanyakan manusia tidak kira sama ada mereka adalah pekerja biasa, pegawai atau pun pihak atasan. Ini kerana kebanyakan individu merasakan pendapatan tinggi adalah jaminan masa depan kerjaya mereka dalam menghadapi globalisasi dunia masa kini. Kerjaya yang tetap dengan pendapatan lumayan menjadi impian setiap insan untuk menggapainya.

Perancangan kerjaya merupakan asas kepada perkembangan kerjaya pelajar-pelajar dalam perkembangan kerjaya mereka (Syed Mohamad, 2010). Proses ini amat penting bagi pelajar-pelajar Kolej Komuniti yang memulakan pengajian pada usia 18 atau 19 tahun dan menamatkan pengajian pada usia 20 atau 21 tahun (JPKKK, 2011). Ini kerana pada peringkat usia ini mereka sudah perlu mempunyai matlamat dan sasaran pekerjaan yang jelas. Mereka bukan lagi dalam tahap cuba mengetahui seperti zaman mereka di bangku sekolah sebelum ini malah mereka perlu membuat beberapa keputusan penting berkaitan kerjaya seperti memilih aliran pengajian, menyertai kursus berkaitan kerjaya dan sebagainya (Super, Savickas & Super, 1996).

## 2.0 Pernyataan masalah

Perancangan kerjaya mempunyai banyak faktor yang boleh mempengaruhi keberkesanannya samada dari segi luaran atau dalaman. Kajian oleh Baum & Ma (2007) mendapati perancangan kerjaya berkait rapat dengan faktor luaran seperti keluarga, guru dan gaji serta faktor dalaman seperti minat, kecenderungan dan lain-lain. Oleh itu, setiap individu perlu memahami kepentingan setiap faktor ini yang boleh mempengaruhi kejayaan kerjaya masa depan mereka (Mohd Azraai, 2014). Sehubungan dengan itu, inisiatif untuk membantu pelajar membuat perancangan kerjaya berdasarkan faktor-faktor luaran dan dalaman adalah sesuatu yang amat kritikal. Namun begitu sehingga kini, kolej komuniti masih tidak mempunyai pelan perancangan yang khusus sama ada dalam kurikulum formal atau tidak formal melainkan sedikit sisipan mengenai kerjaya (embedded) di dalam subjek Pembangunan Diri II (silibus lama) dan Kemahiran Insaniah (KPM, 2015).

Kurikulum tidak formal seperti lawatan kerjaya, bengkel kerjaya dan lain-lain yang boleh dikaitkan dengan aktiviti penerokaan kerjaya dan pendedahan kepada maklumat dunia kerjaya hanya melibatkan kurang 20% daripada keseluruhan aktiviti yang telah dijalankan pada setiap tahun di kolej-Kolej Komuniti di seluruh Malaysia (Ahmad Rosli, 2016). Aktiviti ini mampu bertindak sebagai faktor pemangkin dalam perancangan kerjaya pelajar kolej komuniti. Ini kerana kekurangan pendedahan kepada maklumat dunia kerjaya menyebabkan pelajar Kolej Komuniti mengalami masalah dalam menentukan kerjaya masa depan mereka. Ini terbukti dalam laporan kajian pengesahan graduan Kolej Komuniti 2011 yang menunjukkan 57.6% pelajar Kolej Komuniti menganggur adalah disebabkan kesukaran untuk mendapat pekerjaan dan kurang keyakinan diri untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan (JPKK, 2011). Manakala semenjak tahun 2004 sehingga tahun 2010 menunjukkan secara purata 0.2% sahaja yang mampu berkerjaya dengan pendapatan melebihi RM5000 (JPKK 2009; JPKK 2011; JPKK 2012a; JPKK 2012b).

Ini membuktikan, walaupun wujud banyak faktor yang dikaitkan dengan kemampuan individu untuk merancang kerjaya faktor-faktor sampingan yang boleh menjadi pemangkin kepada perancangan kerjaya tidak boleh diabaikan. Adalah sukar untuk mereka mendapatkan kerjaya yang baik. Begitu juga dengan kajian lain yang menunjukkan wujudnya hubungan antara matlamat dan pelan perancangan kerjaya yang baik dengan peningkatan tahap pengajian dan tahap pendapatan individu (Syed Mohamad, 2010; Jasmi Talib, 2013). Justeru satu kajian telah dijalankan untuk mengenalpasti faktor pemangkin yang perlu diambil kira dalam perancangan kerjaya pelajar dan lulusan kolej komuniti seluruh Malaysia.

### **3.0 Objektif kajian**

Secara umumnya kajian ini ingin melihat faktor-faktor Pemangkin dalam perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti dewasa ini manakala secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

- a. Mengenalpasti faktor pemangkin dalam perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti.
- b. Mengenalpasti perbezaan faktor pemangkin yang mempengaruhi perancangan kerjaya dalam kalangan lulusan kolej komuniti.
- c. Mengenalpasti hubungan antara empat faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya iaitu Kerja Sambilan, Lawatan Sambil Belajar, Ko-kurikulum dan Kursus Luar.

### **4.0 Hipotesis Kajian**

$H_01$ : Tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam faktor pemangkin dalam perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti berdasarkan faktor jantina.

$H_02$ : Tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam faktor pemangkin dalam perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti berdasarkan faktor program pengajian.


H<sub>03</sub>: Tidak wujud hubungan antara empat faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya iaitu Kerja Sambilan, Lawatan Sambil Belajar, Ko-kurikulum dan Kursus Luar.

## 5.0 Skop kajian

Kajian ini dijalankan kepada lulusan kolej komuniti Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan yang mengambil Sijil Kolej Komuniti sahaja.

## 6.0 Kerangka konseptual

Secara umumnya kajian ini adalah bersandarkan kepada Model laluan Perkembangan Kerjaya Pelajar TVET atau dikenali sebagai Model kerjaya ROSS yang telah dibangunkan oleh Ahmad Rosli Mohd Nor (2016). Model ini pula dibangunkan berdasarkan Teori Perkembangan Kerjaya Super (1971) dan Teori Aspirasi kerjaya Gottfredson (1981) yang dikembangkan menjadi model laluan kerjaya untuk pelajar TVET. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini bagi menunjukkan faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya. Dalam kajian ini, pembolehubah bersandar merupakan (1) Kerja Sambilan; (2) Lawatan Sambil Belajar; (3) Ko-kurikulum: dan (4) Kursus Luar yang boleh mempengaruhi perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti. Pembolehubah tidak bersandar adalah terdiri daripada faktor demografi seperti jantina dan program pengajian. Keempat-empat pembolehubah ini telah dikaji untuk melihat pengaruhnya ke atas perancangan dan perkembangan kerjaya pelajar TVET.



**Rajah 1** : Kerangka konseptual kajian

## 7.0 Metodologi kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif secara tinjauan. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang telah dibangunkan oleh Ahmad Rosli (2016) dan mempunyai nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach 0.83. Kebolehpercayaan adalah darjah yang menunjukkan pengukuran dijalankan bebas dari kesilapan dan

seterusnya menghasilkan keputusan konsisten. Pendekatan yang digunakan untuk mengukur koefisien kebolehpercayaan item-item dalam instrumen adalah ketekalan dalaman (*internal consistency*). Teknik menganggarkan ketekalan dalaman yang digunakan dalam kajian sebenar dan ujian rintis ini ialah nilai Alpha Cronbach bagi setiap pembolehubah (Sekaran, 2005). Seramai 222 orang sampel kajian telah dipilih secara Rawak Berstrata dan bilangan sampel adalah melebihi saranan sampel yang dicadangkan oleh aplikasi *G Power* bagi analisis melibatkan ujian T, Anova Sehala dan Korelasi (Faul, Erdfeder, Lang & Buchner 2007). Saranan sampel minima daripada aplikasi *G Power* untuk analisis melibatkan ujian t ialah 102 orang, Anova Satu hala 159 orang dan Korelasi Pearson 115 orang (Wan Muhammad Amir, Mohamad Shafiq, Adam Hussien dan Mohd Fadhli, 2018)

Soal selidik ini dibuat dalam bentuk *Google Form* bagi memudahkan taburannya kepada sampel kajian yang rata-rata adalah lulusan kolej komuniti Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan. Instrumen atau borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat demografi lulusan kolej komuniti. Bahagian B mengandungi maklumat tentang faktor-faktor yang signifikan dalam mempengaruhi perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti. Analisis Deskriptif dan Inferensi telah dijalankan terhadap data-data yang diperoleh daripada kajian ini.

## 8.0 Dapatan kajian dan perbincangan

Kajian ini telah berjaya mencapai matlamatnya untuk menjawab persoalan kajian seperti berikut:

1. *Apakah faktor pemangkin dalam perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti?*

Proses perancangan kerjaya tidak hanya melibatkan perancangan individu itu semata-mata. Dalam Inventori Perkembangan Kerjayanya mengaitkan faktor lain yang tidak terlibat secara langsung dalam perancangan kerjaya individu tetapi mempunyai pengaruh dalam perancangan kerjaya mereka seperti aktiviti tak formal, kursus luar yang diikuti, kokurikulum dan sukan (Sharf 2013). Ianya merujuk kepada faktor pemangkin dalam perancangan kerjaya. Analisis kajian ini menunjukkan perancangan kerjaya banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor lain secara tidak langsung yang bertindak sebagai pemangkin kejayaan perancangan kerjaya pelajar.

Faktor pemangkin dirujuk sebagai aspek-aspek yang boleh merangsang individu untuk membuat perancangan kerjaya awal mereka dan melaksanakan perancangan kerjaya ini sehingga berjaya. Aspek-aspek ini jika ditangani secara positif mampu menjadikan perancangan kerja menjadi lebih efektif dan begitu juga sebaliknya. Jadual 1 di bawah menunjukkan Faktor Kursus luar pengajian semasa di kolej komuniti menjadi pilihan lulusan kolej komuniti sebagai Faktor Pemangkin yang berpengaruh.

**Jadual 1:** nilai min Faktor Pemangkin

Faktor	n	nilai min	Sisihan Piawai
Kursus Luar	222	4.44	.675
Lawatan Ilmiah	222	4.34	.685
Kokurikulum	222	4.27	.794
Kerja Sambilan	222	4.15	.815

Merujuk jadual 2 interpretasi skor min, nilai min kursus luar adalah tinggi. Kursus luar yang berkaitan dengan pekerjaan seperti keusahawanan, motivasi kerjaya, kemahiran tambahan dan lain-lain menjadi pelengkap kepada kursus-kursus yang ada di kolej komuniti. Kursus luar ini membolehkan mereka meningkatkan kefahaman tentang pilihan kerjaya masa depan mereka dan menjadikan perancangan kerjaya mereka lebih tersusun.

**Jadual 2:** interpretasi skor min

Selang Skala Min Interpretasi	
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber : (Nunnally & Bernstein 1994)

Kajian Ahmad Rosli (2016) mendapati seorang lulusan kolej komuniti mampu menjadi Usahawan Percetakan yang berjaya walaupun berada dalam program pengajian yang berlainan kerana sering didedahkan dengan kursus usahawan dan percetakan semasa pengajian beliau. Lawatan ilmiah ke tempat-tempat yang menjurus kepada bidang masing-masing juga dapat memberikan suntikan motivasi kepada pelajar untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkaitan bidang kerjaya mereka kelak. Manakala Aktiviti Luar dan Kokurikulum yang dilakukan di kolej-kolej komuniti pula menjadikan pelajar lebih bersedia untuk berhadapan dengan dunia luar. Aktiviti seperti pertandingan kemahiran mampu menjadi pembakar semangat untuk individu menceburi kerjaya yang diminati dan menguatkan keyakinan individu untuk berjaya. Ia mampu menukar seorang pelajar yang pendiam, pemalu dan kurang keyakinan diri untuk bersaing dengan orang lain untuk berjaya dalam kerjaya mereka (Mohamad Sattar, Ahmad Rosli, Salleh Amat dan Roseamnah, 2016). Begitu juga dengan pembabitan dalam aktiviti kokurikulum sebagai presiden perwakilan pelajar, sukan dan sebagainya ternyata mengubah perwatakan individu dan menjadikan mereka berdaya saing dalam aspek kerjaya.

Kerja sambilan merujuk kepada pekerjaan yang dilakukan oleh individu tersebut selepas tamat pengajian. Pengalaman kerja sambilan boleh menimbulkan minat dan memberikan individu peluang untuk merasai

pengalaman seorang usahawan di dunia yang sebenar. Jelas sekali kerja sambilan begitu signifikan dalam merealisasikan perancangan kerjaya kerana ia menjadi inkubator kepada keupayaan individu untuk menjadi usahawan di masa akan datang.

2. (a) perbezaan faktor pemangkin yang mempengaruhi perancangan kerjaya dalam kalangan lulusan kolej komuniti berdasarkan jantina?

**Jadual 3:** Analisis Ujian t

Faktor	n	nilai t	p
Kursus Luar	222	.460	.646
Lawatan Ilmiah	222	1.537	.126
Kokurikulum	222	1.557	.121
Kerja Sambilan	222	1.194	.176

Jadual 3 jelas menunjukkan kesemua faktor ini tidak berbeza antara jantina. Bagi kajian ini seramai 222 orang responden telah mengambil bahagian di mana 116 orang adalah lelaki dan 106 orang adalah wanita. Dalam erti kata lain samada anda lelaki atau wanita kesemua ini faktor pemangkin ini tetap berpengaruh dalam Perancangan kerjaya. Justeru apabila pihak kolej komuniti ingin membuat program-program seperti Lawatan Sambil Belajar, Bengkel Usahawan dan lain-lain, faktor jantina tak perlu dijadikan keutamaan. Program yang sama boleh dirangka untuk kesemua jantina.

Malah Teori Sosial Kogniti mengatakan perancangan kerjaya mempunyai banyak pengaruh sama ada secara dalaman atau luaran seperti sasaran peribadi, persekitaran sosial dan sebagainya. Ia memerlukan pertimbangan individu untuk menentukan kecenderungan mereka dalam menentukan arah perancangan kerjaya mereka. Namun begitu faktor jantina tidak perlu dijadikan kayu ukur dalam Perancangan Kerjaya bagi lulusan atau pelajar kolej komuniti atau TVET secara amnya. Ini kerana kesemuanya berada dalam dunia kemahiran teknikal dan vokasional yang mengutamakan amali berbanding dengan teori. Malah perlaksanaan kurikulumnya tidak pernah memandang jantina atau bangsa.

(b) Apakah perbezaan faktor pemangkin yang mempengaruhi perancangan kerjaya dalam kalangan lulusan kolej komuniti program pengajian?

**Jadual 4:** Analisis ujian anova sehala

Faktor	n	nilai F	p
Kursus Luar	222	1.081	.377
Lawatan Ilmiah	222	.970	.486

Kokurikulum	222	1.309	.204
Kerja Sambilan	222	1.229	.256

Senario yang sama dapat disaksikan dalam Jadual 4 yang menunjukkan hipotesis null adalah diterima dimana tidak wujud perbezaan yang signifikan pada Faktor Pemangkin bagi Perancangan Kerjaya Lulusan Kolej Komuniti ( $P>0.05$ ). Sehubungan dengan itu program-program tidak formal berkaitan kerjaya seperti kursus sampingan, lawatan, kokurikulum dan kerja sambilan boleh dijalankan tanpa mengambil kira latar belakang pengajian setiap pelajar. Ini kerana kesemua mereka mempunyai persamaan dari segi pencapaian akademik dan bentuk latihan TVET yang diterima. Ini kerana Perancangan Kerjaya merujuk kepada proses membuat keputusan kerjaya, menentukan jalan-jalan pendidikan dan latihan yang berkaitan serta memilih strategi-strategi yang mengarah kepada kejayaan merealisasikan keputusan yang telah dibuat (Amla Salleh 2010). Jadi apa yang penting adalah perancangan yang sistematik dan berterusan supaya apa yang diimpikan mampu direalisasikan.

3. Apakah hubungan antara empat faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya iaitu Kerja Sambilan, Lawatan Sambil Belajar, Ko-kurikulum dan Kursus Luar?

**Jadual 5:** Analisis ujian korelasi pearson

Item	n	nilai r	nilai p
Kursus Luar	222	.473	.00
Lawatan Ilmiah	222	.519	.00
Kokurikulum	222	.458	.00
Kerja Sambilan	222	.459	.00

Jadual 5 menunjukkan hipotesis null telah ditolak di mana wujud hubungan yang signifikan antara Faktor pemangkin dengan Perancangan Kerjaya Lulusan kolej Komuniti. Nilai r untuk kesemua faktor pemangkin adalah pada tahap sedehana seperti dalam jadual jadual interpretasi skor korelasi *Gulford's Rule of Thumb* (Bahaman Abu Samah, 2016). Justeru, dalam usaha pelajar atau lulusan kolej komuniti membuat Perancangan Kerjaya, mereka tidak boleh mengabaikan kempat-empat faktor pemangkin ini.

Malah Duff & Dikk (2009) dalam kajiannya berkenaan faktor luaran yang boleh mempengaruhi pencapaian kerjaya juga menyenaraikan aspek pensyarah, Latihan Industri, kursus luar, idola teladan, kerja sambilan dan kokurikulum boleh mempengaruhi tahap perancangan kerjaya seseorang. Ini kerana kesemua faktor ini mampu menaikkan atau menjatuhkan semangat individu untuk berusaha mendapatkan apa yang dicita-citakan mereka. Setiap responden mempunyai pengaruh luaran dan dalaman yang tersendiri bergantung pada keunikan profil mereka. Apa yang penting setiap individu mempunyai Perancangan Kerjaya yang tersendiri dan unik untuk mereka. Ini

kerana setiap individu berlainan keupayaan dan potensi mereka. Ini ditegaskan oleh Super et al. (1996) yang menekankan kepentingan perancangan kerjaya kepada setiap individu dan pencapaian akademik tidak menjamin untuk seseorang mendapat kerjaya yang baik jika tidak mempunyai perancangan kerjaya yang baik.

## 9.0 Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya untuk memperlihatkan pengaruh faktor Pemangkin sebagai unsur luaran dalam Perancangan Kerjaya individu tanpa mengira jantina atau program pengajian yang diikuti. Justeru setiap program berkaitan Perancangan Kerjaya perlu mengambil kira Faktor Pemangkin dalam usaha membantu lulusan TVET merencanakan kerjaya masa depan mereka dan berjaya sama seperti pelajar lain yang berpencapaian cemerlang. Kajian seterusnya perlu memberi fokus kepada perincian faktor terpenting secara terperinci supaya setiap faktor pemangkin dapat didedahkan kepada para pelajar kolej komuniti. Manakala kajian lanjut untuk membangunkan program perancangan kerjaya pelajar KK juga sangat bermanfaat jika dilaksanakan. Pihak pengurusan Kolej Komuniti diharapkan dapat mengambil kira dapatan kajian ini dalam menambahbaik sistem pembelajaran di kolej komuniti dan membantu para pelajar untuk merancang kerjaya yang cemerlang untuk masa depan mereka.

## 12.0 Rujukan

- Ahmad Rosli Mohd Nor (2016) Profil, indikator, faktor kritis dan model perkembangan kerjaya berdasarkan komuniti berpendapatan tinggi dalam kalangan lulusan kolej komuniti. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan UKM.
- Ahmad Rosli Mohd Nor, Mohamad Sattar Rasul & Salleh Amat (2016) Exploring compromises aspect in career development among malaysian community college graduates of high income. *Vocational Education Research* (7) pp 93-96.
- Amla Mohd Salleh (2010) *Pendidikan kerjaya dan pembangunan modal insan.* bangi: penerbit ukm.
- Bahaman Abu Samah (2016) *Exploring staticic using SPSS.* Serdang: UPM
- Duff, R.D. & Dik, B.J. (2009) Beyond the self: external influences in the career development process. *The Career Development Quarterly* 58, (1): 29-43.
- Faul, F., Erdfelder, E., Lang, A.G & Bucher, A. (2007) G\*Power: A flexible statistical power analysis program for the social, behavioral and biomedical sciences. *Behavior Research Method*, 39(2). 175-191.

- Gotfredson, L.S. (1996) Gotfredson's Theory of circumscription and compromise. Dlm. Brown, D. & Brooks,L. (eds). *Career Choice and Development* (3rd ed.) 179-232. San Francisco: Jossey-Bass.
- Holland, J. L. (1997) *Making vocational choices: A theory of vocational personalities and work environments*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.
- Jasmi Talib (2013) Kajian keberkesanan modul merancang kerjaya terhadap pelajar kolej komuniti KPTM. PhD Thesis. Fakulti Pendidikan UKM.
- KPM (2015) Laporan Tahunan Kolej Komuniti 2012. Putrajaya: KPM.
- Mohamad Sattar Rasul, Ahmad Rosli Mohd Nor, Salleh Amat dan Roseannah Abdul Rauf (2016) *Alumni cemerlang kolej komuniti*. Bangi: Penerbit UKM.
- Parsons, F. (1909) *Choosing a vocation*. Boston, MA: Houghton Mifflin.
- Reardon, R.C., Lenz, J.G., Sampson, J.P. & Peterson, G.W. (2006) *Career Development and Planning*. USA: Thomson Corporation.
- Super, D.E. (1971) *The psychology of career*. New York: Harper & Row.
- Super, D. E., Savickas, M. L., & Super, C. M. (1996). *Career Choice & Development*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Syed Mohamad Syed Abdullah (2010) Keberkesanan modul merancang kerjaya ke atas motivasi belajar, kemahiran belajar dan kebolehan merancang kerjaya dalam kalangan pelajar berpencapaian rendah. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Wan Muhamad Amir, Mohamad Shafiq, Adam Husein dan Mohd Fadli Khamis (2018) *Sample size calculations made easy using g\*power*. Kuala Lumpur: Penerbit USM.
- Zunker, V.G. (2012) *Career counseling: a holistic approach 8<sup>th</sup> edition*. Belmont, CA: Brook/Cole.
- Zuraidi Md. Tahir, Sahalani Basar & Ahmad Rosli Mohd Nor (2017) Meneroka faktor kritisikal kejayaan lulusan kolej komuniti melaka yang berpendapatan tinggi. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities* 2 (1) m.s 29-34